

Ruj. Kami : (35)dlm.BPK/02/5/1.2
Tarikh : 11 November 2000

Semua Pemegang Pendaftaran

Tuan/Puan,

KEPUTUSAN PIHAK BERKUASA KAWALAN DADAH BERHUBUNG UBAT-UBATAN YANG MENGANDUNGI 'PHENYLPROPANOLAMINE'

Adalah saya merujuk perkara di atas. Surat kami , Ruj. Kami : (34)dlm.BPK/02/5/1.2 bertarikh 8 November 2000 adalah berkaitan.

2. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah membuat keputusan untuk **memanggil balik (product recall)** semua keluaran-keluaran yang mengandungi '**Phenylpropanolamine**' berdasarkan isu keselamatan kesan advers yang serius, di mana ianya dikaitkan dengan risiko pendarahan angin ahmar ("Haemorrhagic Stroke") atau pendarahan di otak ("bleeding into the brain") **berkuatkuasa pada 11 November 2000** .

3. Sehubungan dengan itu, tuan adalah diarahkan untuk **memanggil balik (product recall) dengan serta-merta** semua keluaran mengandungi phenylpropanolamine yang berada di pasaran.

4. Tuan diarahkan untuk memberitahu semua pihak yang terlibat dalam pengendalian keluaran tuan tentang keputusan ini.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'UTAMAKAN KUALITI, EFIGASI DAN KESELAMATAN'**

Saya yang menurut perintah,

(NORMAL SHARIF)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia

Sk . Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
 Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia